

DATE: **20<sup>TH</sup> JANUARY 2015 (TUESDAY)**

MEDIA: **BERITA HARIAN – CLAB BOLEH AMBIL LEBIH 100 PEKERJA ASING – PG.03**

© SELASA 20 JANUARI 2015

**BH**

## CLAB boleh ambil lebih 100 pekerja asing

**Putrajaya:** Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) bersetuju supaya Construction Labour Exchange Centre Berhad (CLAB) dibenar menguruskan pengambilan pekerja asing melebihi 100 orang, berbanding kurang daripada jumlah itu sebelum ini.

Mesyuarat JKKPA-PATI yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam, membuat keputusan itu bagi memperkukuhkan peranan CLAB yang ditubuhkan tahun 2003 sebagai organisasi yang membawa masuk dan mengagihkan pekerja asing di negara ini.

"Ini bagi membantu majikan sektor pembinaan untuk mendapatkan pekerja asing dengan lebih cepat," kata jawatankuasa itu dalam satu kenyataan selepas mesyuarat terbabit yang turut



**Muhyiddin menerima replika cek bantuan mangsa banjir** dari Pengerusi Permodalan Nasional Berhad (PNB), Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid di Putrajaya, semalam. Yang turut hadir Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif PNB, Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman dan Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN), Datuk Mohamed Thajudeen Abdul Wahab (kiri).

[FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]

dihadiri oleh Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai.

CLAB ditubuhkan oleh

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) untuk membawa masuk dan mengagihkan pekerja asing kepada syarikat di Malaysia. Pada tahun 2009,

JKK-PA memutuskan permohonan mendapatkan pekerja asing untuk sektor pembinaan yang tidak melebihi 100 orang diuruskan oleh CLAB.

DATE: **20<sup>TH</sup> JANUARY 2015 (TUESDAY)**

MEDIA: **UTUSAN MALAYSIA – CLAB BOLEH URUS PEKERJA ASING LEBIH 100 ORANG – PG.03**

MESIN MALAYSIA - pg. 03 - 20 Jan 2015

## CLAB boleh urus pekerja asing lebih 100 orang

**PUTRAJAYA 19 Jan.** - Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) hari ini membenarkan Pusat Pertukaran Pekerja Binaan Berhad (CLAB) menguruskan pengambilan pekerja asing melebihi 100 orang.

Menurut kenyataan Kementerian Dalam Negeri (KDN) hari ini, keputusan itu dibuat bagi membantu majikan di sektor pembinaan mendapatkan pekerja asing dengan lebih cepat.

"Jawatankuasa bersetuju agar peranan CLAB diperkukuhkan apabila CLAB dibenar menguruskan pengambilan pekerja asing melebihi 100 orang. Ini bagi membantu majikan di sektor pembinaan mendapatkan pekerja asing dengan lebih cepat," menurut kenyataan tersebut yang dikeluarkan di sini.

Mesyuarat yang berlangsung selama tiga jam itu dipengerusikan

**Jawatankuasa bersetuju agar peranan CLAB diperkukuhkan apabila CLAB dibenar menguruskan pengambilan pekerja asing melebihi 100 orang. Ini bagi membantu majikan di sektor pembinaan mendapatkan pekerja asing dengan lebih cepat."**

**KENYATAAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.  
Selain Timbalan Perdana Menteri, mesyuarat tersebut turut dihadiri beberapa menteri antaranya termasuk Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hasan Malek; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim.

CLAB telah ditubuhkan pada 2003 dan penubuhannya selaras dengan keputusan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing (JKK-PA) untuk membawa masuk dan mengagihkannya kepada syarikat-syarikat atau organisasi di Malaysia melalui cara yang cepat, mudah dan menjimatkan.

Pada tahun 2006, JKK-PA telah meluluskan supaya majikan yang memohon pekerja asing dalam sektor pembinaan kurang daripada 50 orang diuruskan terus oleh CLAB.

DATE: **20<sup>TH</sup> JANUARY 2015 (TUESDAY)**

MEDIA: **HARIAN METRO – KEMASUKAN LEBIH CEPAT – PG.11**

**Harian Metro** SELASA 20 JANUARI 2015 **Setempat** 11 A

# Kemasukan lebih cepat

■ **Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet benar CLAB urus lebih 100 pekerja asing**

Oleh Mohd Husni Mohd Noor  
mhusni@hmetro.com.my  
**Putrajaya**

**M**esyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Tanpa Izin (JKKPA-Pati) kali ke-13 Bil 1/2015 semalam bersejua mendebatkan Construction Labour Exchange Center Berhad (CLAB) menguruskan pengambilan pekerja asing melebihi 100 orang.

Keputusan itu dibuat bagi membantu majikan di sektor pembinaan mendapatkan pekerja asing dengan lebih cepat.

Mesyuarat berkenaan dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin. Turut hadir Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Liow Tiong Lai, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Hasan Malek dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Rohani Karim.

Sebelum ini, CLAB hanya dibenarkan menguruskan tidak lebih 100 pekerja asing sebagaimana ditetapkan JKKPA-Pati sejak 19 Julai 2009.

Sementara itu, mesyuarat JKKPA-Pati semalam menimbang beberapa cadangan dan keputusan dasar yang baru.

CLAB bertanggungjawab mempermudah pergerakan pekerja asing dalam industri pembinaan di negara ini sekaligus menguntungkan semua pihak dalam industri itu serta mengatasi masalah tenaga kerja.

Organisasi itu dilancarkan ketika Kementerian Kerja Raya diterajui Datuk Seri S Samy Vellu yang dianggap satu pencapaian bagi sektor pembinaan negara kerana maklumat peredaran pergerakan pekerja pembinaan asing yang sah di negara ini diselenggarakan dan ditadbirkan secara sistematik sebuah organisasi.

Tanggungjawab utama CLAB adalah sebagai pemudah cara bagi menerima dan mentadbir pangkalan data (maklumat) mengenai pekerja pembinaan asing memiliki permit sah daripada syarikat yang sudah menyiapkan projek dan mengagihkannya kepada keperluan syarikat pembinaan lain.

**FAKTA**  
Mesyuarat JKKPA-Pati semalam menimbang beberapa cadangan, keputusan dasar baru

DATE: 20<sup>TH</sup> JANUARY 2015 (TUESDAY)

MEDIA: NEW STRAITS TIMES – EASIER HIRING OF FOREIGN WORKERS – PG.05

NEW STRAITS TIMES | PAGE 5

## PRIME NEWS

# Easier hiring of foreign workers

**PUTRAJAYA:** The role of the Construction Labour Exchange Centre Berhad (CLAB) will be enhanced to allow it to manage the recruitment of more than 100 foreign workers at any one time.

The agreement was reached at the 13th meeting of the Cabinet Committee on Foreign Workers and Illegals, chaired by Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin yesterday.

The Home Ministry said the move would help employers in the construction sector to acquire foreign workers without delay. Previously, CLAB was allowed to take less than 100 foreign workers at a time. However, the date of implementation of the move will be announced later.

CLAB is an authorised agency under the construction industry development board, which supplies foreign workers to construction companies with fewer than 100 workers.

It has about 20,000 active workers of whom 70 per cent are Indonesians. Its main role is to facilitate receiving of data and managing of the data base on foreign workers with valid work permits from construction companies.